



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 24

RABU 14HB. JUN, 1978.

1398 رجب 8

PERCHUMA

KUALA BELAIT—Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada asas-nya telah memperkenankan satu undang2 mengenai dadah yang akan di-luaskan dan di-kekalkan dalam mana penyusunan peratoran2 yang bersesuaian mengenai-nya kini sedang di-usahakan dan akan di-kuat-kuasakan dalam sedikit masa lagi.

Kerana itu usaha mengekang melarat-nya soal dadah ini di-kalangan anak2 dan murid2, peranan ibu-bapa dan guru2 ada-lah di-harapkan supaya mengawasi dan mengetahui pergerakan mereka dengan memberi asohan yang sempurna serta kerjasama demi kepentingan masyarakat kita terutama mereka yang maseh muda.

Berucap di-pertandingan membaca ayat2 suci Al-Kor'an bagi perangkat pemilihan wakil Daerah Belait pada Kh'mis lepas, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, menjelaskan, soal dadah ada-lah merupakan anasir yang tidak di-ingini dan sekarang dengan lebih meluas telah melibatkan muda-mudi kita.

Kata-nya, dari kes2 yang telah di-hadapkan ka-Mahkamah, bilangan muda-mudi yang terlibat ada-lah cukup untuk menakutkan masyarakat di-negeri ini terhadap bahaya-nya yang harus di-hadapi jika usaha2 yang berkesan tidak di-lakukan dari sekarang.

"Saya yakin usaha pada menegahkan melarat-nya soal dadah ini banyak bergantung kepada peranan ibu-bapa yang saya harap akan lebih mengambil tahu terhadap pergerakan anak2 mereka sendiri samada di-dalam atau di-luar rumah termasuklah soal2 membekalkan mereka dengan wang", Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan mengingatkan.

Bagaimanapun di-awal ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menyatakan, keadaan yang semakin laju dan terbuka luas kepada berbagai2 pengaruh, ada-lah di-khuatirkan jika masyarakat Islam di-negeri ini kurang berhati2, pengaruh2 itu tadi akan merosakkan konsep Islam yang telah kita akui sebagai chara hidup yang lengkap.

Menurut-nya lagi, telah kita akui bahawa pengaruh sains dan teknologi telah banyak membawa kemajuan yang kita harapkan, dalam menchipta dan menikmati hasil pengaruh tersebut tanpa di-sadari ia-nya telah membawa anasir2 sosial yang bertentangan dengan konsep keharmonian, kestabilan dan kesempurnaan hidup Islam.

Pengaruh dadah semakin meluas

UNDANG2 DADAH AKAN DI-KUAT- KUASAKAN



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Hanya dengan melengkapkan fahaman2 yang lebih luas serta mendalam dengan penoh dalil dan contoh tauladan terhadap isi2 ajaran Islam sahaja, terang Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu, apa2 jua pengaruh yang tidak di-ingini akan tertolak dan tidak dapat menggonchang kekokohan keimanan kita, terutama terhadap perkara2 yang menyentuh kehidupan kita sa-tiap hari.

Yang Behormat Setia Usaha Kerajaan seterusnya berseru supaya umat Islam dan penduduk2 yang bermastautin di-negeri ini perlu-lah memahami kehendak2 yang menuju ka-arrah Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Kata-nya, tanggung-jawab ka-arrah menuju kesempurnaan matalamat tersebut, bukan sa-

haja terletak di-pehak Kerajaan malah pada tiap2 individu harus-lah mendekatkan diri ka-arrah chara hidup yang telah di-akui itu.

"Dan dengan mengamalkan serta melatehkan diri dalam menunaikan hukum2 Allah, bukan sahaja kita akan terus menikmati keharmonian dan kestabilan sosio-ekonomi yang lebih tinggi taraf-nya bahkan akan menjadi contoh kepada masyarakat2 lain yang di-sekeliling kita", jelas Yang Berhormat itu.

Setia Usaha Kerajaan itu menyarankan, sebarang kelengahan dalam usaha pada memahami dan mendalami hukum2 yang di-turunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu kepada kita hanya akan menguatkan pengaruh sosial yang tidak di-

ingini yang mana akan membawa kesulitan kepada diri kita sendiri dan melemahkan keharmonian dan kestabilan serta kesempurnaan hidup kita sa-bagai individu atau ahli masyarakat di-negara kita.

"Dengan sebab itu-lah saya perchaya tidak akan terdapat keharmonian, kestabilan dan kesempurnaan yang kokoh sa-lagi umat Islam menjauhkan diri dari hukum2 yang mereka sendiri akui dan di-sambut sa-bagai satu chara hidup yang lengkap dan sempurna itu," tegas beliau.

"Hanya chorak Islam sahaja yang dapat menjamin kestabilan, keta'atan, keharmonian, keselamatan dan kesempurnaan masyarakat negeri ini", Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya mengingatkan.

**Jangan terima
pelawaan
dari orang2
yang tidak
di-kenali**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Polis merasa bimbang tentang bertambah-nya kejadian menchabol kehormatan ka-atas anak2 gadis di-negeri ini.

Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dalam satu kenyataan minggu lalu, menyatakan mungkin lebih banyak lagi kejadian2 seperti itu, tetapi kebanyakan gadis2 merasa takut atau malu untuk melaporkan kepada pehak polis.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja berkata, kebanyakan kes2 yang di-laporkan ternyata akibat-nya ia-lah dari kekhuaian ibu-bapa yang membenarkan anak2 gadis mereka keluar sahingga larut malam.

Kata-nya, kejadian ini juga berpuncha di-sebabkan gadis menerima pelawaan untuk menaiki kereta dari orang2 yang mereka tidak kenali atau pun orang2 yang baru mereka kenali.

"Kini masa-nya telah tiba untuk saya memberi nasehat kepada para ibu-bapa dan juga gadis2 remaja", tambah Yang Amat Mulia.

Pesuruhjaya Polis itu menasehatkan para ibu-bapa yang mempunyai anak2 perempuan yang telah meningkat dewasa supaya mengawasi mereka agar

Persekutuan Islam Brunei di-beri nafas baru



Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang telah di-pilih sa-bagai Yang Dipertua PERKASA.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan untuk memberikan nafas baru kepada Persatuan Persekutuan Islam yang di-tubuhkan di-Brunei dalam awal tahun 1950an telah berlangsung di-Rumah Semaun, rumah kediaman rasmi Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan pada hari Ahad lepas.

Perjumpaan itu di-hadiri oleh kira2 50 orang kenamaan, pegawai2 kanan Kerajaan dan ahli2 majlis2 mashuarat serta beberapa orang penghulu dan ketua2 kampung.

Dalam perjumpaan itu, sembilan orang telah di-lantek untuk memegang jawatan2 penting untuk mentadbir Persekutuan Islam itu dalam tempoh dua tahun mulai tahun ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah di-lantek sa-bagai Yang Dipertua, sementara wakil-nya atau Naib Yang Dipertua di-amanahkan kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd Taha.

Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di-lantek sa-bagai Setia Usaha Umom dan Awang Omar bin Haji Serudin selaku Penyimpan Wang, sementara Ketua Pemereksa Kira2 ia-lah Awang Ibrahim bin Haji Md Yassin.

Lihat muka 16

Lihat muka 16



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

14HB JUN, 1978

PENGAROH DADAH

PENGAROH dadah, penyalah-gunaan dadah dan pengedaran dadah di-negeri ini adalah suatu perkara yang ketara dan menjadi perhatian Kerajaan. Kerana sa-jauh yang kita ketahui pengarah dadah dan mereka yang telah melibatkan diri dalam bidang ini nampaknya semakin meluas daripada apa yang pada mula-mula kita fikirkan. Dari kes2 yang telah di-hadapkan ka-Mahkamah dan bilangan belia2 yang terlibat atau di-shaki terlibat adalah cukup menjadi bukti untuk menakutkan masyarakat di-negeri ini terhadap bahaya dadah itu.

Kearah ini, alhamdulillah, seperti yang telah ditegaskan oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Setia Awg Haji Abdul Aziz, ketika merasmikan peraduan membaca Al-Kor'an di-Kuala Belait, baru2 ini antara lain berkata: "Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pada dasarnya telah memperkenankan satu undang2 mengenai dadah ini akan di-luaskan dan di-kekalkan yang mana usaha2 sekarang sedang di-susun untuk mengadakan peraturan2 yang bersesuaian dan akan di-kuatkuasakan, insya Allah, tidak berapa lama lagi."

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya itu lagi, sa-lain dari menguatkuasakan undang2 dadah itu nanti, ia-lah peranan, ibubapa terhadap anak mereka dan guru terhadap murid mereka dalam menchegeh melarat-nya soal pengarah, penyalah-gunaan dan pengedaran dadah itu. Yang Berhormat itu yakin usaha pada menchegeh melarat-nya soal dadah ini banyak bergantung kepada peranan ibubapa dengan mengambil tahu terhadap pergerakan anak2 mereka sendiri samada di-dalam atau di-luar rumah termasuklah soal2 membekalkan mereka itu dengan wang.

Ada-lah juga menjadi tanggungjawab masyarakat terutama ibubapa harus mengawasi serta mengetahui sa-tiap pergerakan anak2 mereka demi untuk memberikan asuhan yang sempurna kepada mereka itu. Kira-nya semua yang berkenaan terutama ibubapa dan guru2 dengan sa-penoh-nya memberikan kerjasama kearah ini, insya Allah, jika tidak dapat kita hapuskan sama sekali tentang bahaya dadah itu, maka ia-nya sekurang2-nya akan dapat di-sedikitkan.

Dan dengan berkat usaha yang gigih Kerajaan yang sedang menyusun undang2 dan peraturan yang berhubung dengan pengarah, penyalah-gunaan dan pengedaran dadah yang merbahaya itu dan juga dengan berkat kerjasama dari seluruh masyarakat di-negeri ini pada melaporkan kepada pihak yang berkuasa berhubung dengan perkara tersebut, insya Allah, soal2 seperti pengarah dadah ini, akan dapat kita hindarkan dengan izin-Nya jua.

LEBEH 600 GURU TELAH DI-LATEH DI-MPSHB

GADONG. — Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah telah berjaya mengeluarkan sa-ramai 611 orang guru lelaki dan perempuan yang terlatih sejak maktab itu di-buka dalam tahun 1972.

Pmk. Pengetua Maktab tersebut, Dayang Misli bte Haji Awang dalam temu-ramah-nya dengan PELITA BRUNEI memberitahu bahawa sa-ramai 195 orang penuntut sedang menuntut di-maktab itu ketika ini termasuk 78 orang penuntut di-tahun terakhir dan akan menamatkan pengajian mereka pada bulan Disember tahun ini.

Sa-ramai 117 orang penuntut yang lain-nya berada dalam tahun pertama dan akan di-naikkan ka-tahun kedua bulan depan bersama2 dengan kemasokkan 130 orang penuntut baru yang di-pilih sa-telah menjalani temuduga oleh Jabatan Pelajaran baru2 ini.

Sa-belum perubahan dibuat pada tahun lepas, kursus perguruan dalam aliran Melayu dan Inggeris meng-

ambil masa sa-lama 2½ tahun. Mengikut peraturan baru itu, kursus tersebut akan bermula pada tiap2 bulan Julai dan mengambil masa sa-lama tiga tahun.

Sharat2 bagi pemohon2 yang ingin memasuki Maktab tersebut hendaklah terdiri dari raayat Brunei, mempunyai Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan lulus sekurang2-nya empat mata-pelajaran peringkat biasa. Kelulusan di-utamakan dalam mata-pelajaran2 Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains.

Jika pemohon2 di-terima, mereka akan di-sediakan tempat tinggal, makanan

dan lain2 kemudahan di-asrama. Mereka juga akan menerima elaun bulanan sa-banyak \$210.00 bagi penuntut tahun pertama dan kedua dan \$225.00 pada tahun ketiga.

Dalam tempoh tiga tahun pengajian, mereka akan mempelajari teori dan praktikal dalam semua aspek kaedah mengajar yang juga termasuk mata-pelajaran2 yang penting seperti sosiologi, psikologi, sejarah dan filsafat, penyusunan, pengajaran Islam dan latihan jasmani. Mata-pelajaran2 lain yang menjadi pilihan ia-lah Ilmu Hisab, Sains, Ilmu Alam, lukisan dan seni ukir. Bahagian praktikal terma-

sok-lah latihan mengajar di-sekolah2 rendah dan menengah.

Penuntut2 di-maktab tersebut mendapat tunjok ajar oleh sa-ramai 33 orang penshahar yang mana 21 orang dari mereka ada-lah penshahar2 tempatan dan yang lain-nya di-datangkan dari luar negeri.

Dayang Misli juga menyatakan sembilan orang penolong penshahar pada masa ini ada yang mengambil kursus diploma dan ijazah di-seberang laut, dan pada masa ini tiga orang guru dan 13 orang pelatoh2 pengajar sedang mengikuti kursus dalam perkhidmatan di-maktab tersebut.

Peraduan Kor'an: Daerah Belait pilih wakil ka-peringkat negeri

KUALA BELAIT. — Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Paun telah munchol sekali lagi sa-bagai johan peraduan membaca ayat2 suci Al-Kor'an peringkat Daerah Belait.

Awang Haji Abu Bakar yang juga johan pertandingan itu dalam bahagian lelaki tahun lalu telah mengalahkan lima orang peserta yang lain dalam peraduan mempertahankan kejuaraan-nya yang diadakan di-Sekolah Ugama Pekan Belait pada malam Jumaat, Khamis 8hb. Jun yang lalu.

Dalam bahagian perempuan pula, johan telah disandang oleh Dayang Taibah bte Kudi sa-telah mengalahkan johan menunggu peraduan itu tahun lalu, Dayang Sharifah Hasnah bte Malai Haji Yahya.

Tempat kedua bahagian lelaki jatuh kepada Awg. Nordin bin Haji Arshad dan tempat ketiga Abd. Ghani bin Mohd. Nawawi.

Dayang Sharifah Hasnah bte Malai Haji Yahya mendapat tempat kedua dalam bahagian perempuan dan pemenang ketiga ia-lah Hajjah Halimah bte Sulaiman.

Johan qari dan qariah itu telah menerima hadiah2 termasuk piala yang di-

sumbangkan oleh Abdul Samad bin Haji Metussin dan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Kedua2 johan qari dan qariah itu akan mewakili

Daerah Belait ka-peraduan membaca Al-Kor'an peringkat negeri yang akan di-adakan bulan depan.

Turut hadir di-peraduan malam itu termasuklah Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awg. Haji Abdullah, pegawai2 kanan Kerajaan dan penduduk2 di-sekitar Pekan Belait.



GAMBAR kelihatan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Paun, johan qari Daerah Belait, yang akan mewakili daerah tersebut dalam peraduan membaca ayat2 suci Al-Kor'an peringkat negeri bulan depan.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati dijual dengan harga yang lebih rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 8hb. Jun, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. BAWANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
 - b) Hong Guan (Koon Kee), No. 10, Jalan McArthur.
2. ASAM GELUGOR — \$3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
3. SAYOR PUCHOK — \$4.80 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Chop Nam Fung, No. 114, Bangunan Guru2 Melayu.

KUALA BELAIT

1. BAWANG MERAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty.
 - b) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
 - c) Seng Hup Hin, No. 30, Jalan Pretty.
 - d) Sia Heng Hong, No. 31-B, Jalan Sungai.
 - e) Teo Heng Hong, No. 45, Jalan Pretty.
 - f) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.

2. ASAM GELUGOR — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) S. S. Sa'adiah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
3. SAYOR PUCHOK — \$4.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Yich Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
 - b) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.

SERIA

1. BAWANG MERAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. ASAM GELUGOR — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
3. SAYOR PUCHOK — \$4.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - a) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
 - b) Chop Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
 - c) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
 - d) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
 - e) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 17hb. hingga 21hb. Jun, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong	17.6.1978	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	17.6.1978	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	17.6.1978	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	19.6.1978	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	19.6.1978	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	20.6.1978	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	20.6.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	21.6.1978	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	21.6.1978	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	21.6.1978	Rabu	11.00-12.00 T/Hari

Peraduan perarakan kereta, basikal berhias dan tanglong berjalan kaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perarakan Kereta Berhias, Basikal Berhias dan Tanglong berjalan kaki, salah satu acara sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang Ke-

Memuchang-muchang

JALAN MUARA. — Satu kerja memuchang2 telah diadakan pada minggu lalu di-Kampung Delima Satu, Jalan Muara untuk membersekan kawasan rumah Dayang Zaliha binte Awang Tengah yang telah musnah dalam satu kebakaran lewat bulan lalu. Lebih dari 70 orang menyertai kerja memuchang2 itu yang terdiri dari penduduk2 kampung itu dan pegawai2 Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan. Ia-nya di-ketuai oleh Ketua Kampung, Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman.

Dayang Zaliha ketika ini diam bersama2 sanak saudara-nya dan kerugian-nya semasa kebakaran itu ia-lah \$60,000.

Sementara itu penduduk2 lima buah kampung di-Daerah Brunei/Muara telah memberikan bantuan kewangan berjumlah \$500 kepada tiga orang mangsa kebakaran yang berlaku di-kampung Sungai Matan, Jalan Kota Batu baru2 ini.

Penduduk2 kampung itu ialah dari kampung2 Pelambayan, Dato Gandi, Serdang, Sungai Matan dan Sungai Belukut. Derma tersebut di-serahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sekolah Melayu Dato Gandi, Awg Mohammad Daud bin Taha.

Pendaftaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran murid2 baru bagi persekolahan tahun 1979 di-Sekolah Taman Bimbingan Kanak2, TABIKA, Nusa Laila Puteri di-Bandar Seri Begawan akan di-buka mulai 1hb Julai depan dan dermasiswa bagi anak2 yatim juga di-buka pada hari tersebut. TABIKA itu akan menerima kanak2 yang berumur antara tiga dan lima tahun.

Borang2 masuk boleh diperolehi dari Sekolah tersebut di-Bangunan Cheong Mansion di-sini. Chawangan2-nya telah pun di-buka di-Jalan Serusop, Kampung Sungai Buloh dan Kampung Sengkurong.



Terkaran Letrik

KARAN letrik sangat merbahaya kepada manusia dan boleh menyebabkan mati. Kekuatan karan boleh sedikit

32 tahun, tahun ini, akan di-adakan pada 16hb Julai depan di-sini jam 1.30 petang dan 7.30 malam.

Peraduan Tanglong Berjalan kaki, terbuka kepada lima bahagian ia-itu: kampung2, jabatan2 Kerajaan dan gedong2 perniagaan, maktab2 dan sekolah2 menengah dan sekolah2 rendah sementara Peraduan Kereta Berhias ada-lah terbuka kepada pejabat2 Kerajaan, gedong2 perniagaan, persatuan2 belia dan kebajikan dan kumpolan



Awang Hassan bin Haji Ahim (gambar atas) telah di-lantik sa-bagai Ketua Kampung Kiarong, Daerah Brunei/Muara.

Lantikan Awang Hassan bermula pada 1hb Jun, 1978 yang lalu.

Kursus Sembahyang Mayat

KAMPONG AYER. — Kursus sembahyang mayat dan mengkapan mayat telah di-adakan di-Sekolah Agama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di-Kampung Lurong Dalam di-Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas. Kursus tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, pegawai Agama kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Kursus yang akan di-adakan sa-minggu sekali itu ada-lah anjoran Persatuan Pertiwi Kampung Ayer dengan kerja-

atau gabungan orang2 ramai.

Borang2 memasoki peraduan itu dan syarat2-nya boleh-lah di-dapati daripada Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar (Pengerusi), Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan atau Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit (Setiausaha), Pejabat Penchen2 Negara, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa pejabat di-buka.

Tarikh penutup dan menerima borang2 penyertaan ia-lah pada 6hb Julai, 1978.

Sokan Sekolah2 Menengah seluruh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani yang di-tubuhkan beberapa tahun lalu, kini menampakkan satu tangga kemajuan pesat di-bidang sokan dan olahraga.

Untuk mengkesankan lagi bidang ini, maka Pusat Pentadbiran sentiasa berubah dari sa-tahun ka-sa-tahun. Umpama-nya sokan telah di-adakan di-Maktab AAC Seria dalam tahun 1977, pada tahun ini di-

adakan di-Sekolah Inggeris Berakas dan pada tahun hadapan di-adakan di-SMM. Muda Hashim Tungong.

Semua acara sokan ini di-jalankan mengikut taraf antarabangsa, umpamanya di-kira dengan miter dan rekod2 peserta sekolah dari sa-tahun ka-setahun bertambah baik. Ini bermakna atas asohan dan latehan yang gigih dari para guru di-sekolah2 berkenaan, serta durongan dan keinginan peserta2 untuk menchapai kemajuan bagi mewakili negeri ini ka-sokan dan olahraga antara bangsa, umpama-nya sokan terbuka Singapura, Sokan Kebangsaan Malaysia, Sokan Asia, Sokan Asia Tenggara (SEA GAMES) atas nama BAAA.

Sa-bagai perbandingan, Abdullah Bungsu dari AAC pemegang rekod 100m Sekolah2 Menengah dengan menchatit 10.9 saat yang di-buat dalam tahun

1974. Brunei AAA 10.6 saat di-buat oleh Baha Bujang dalam tahun 1977 manakala rekod sokan SEA ialah 10.4 saat. Banyak lagi jenis acara sokan bertaraf antarabangsa telah di-buat oleh peserta2 kita.

Pada hari Ahad, 18hb ini satu temasha sokan antara Sekolah2 Menengah seluruh negeri akan di-adakan di-Padang Sekolah Inggeris Berakas bermula dari jam 8.45 pagi dan sa-banyak 36 jenis acara sokan dan olahraga akan di-pertandingkan.

Berthabit dengan temasha ini, RTB melalui Unit Siaran Luar akan membuat rakaman di-temasha tersebut dan siaran-nya akan dapat di-tonton melalui ranchangan khas ARENA SOKAN pada hari Isnin, 19hb ini mulai jam 9.00 malam.

Gambar2 bawah kelihatan penuntut Sekolah Inggeris Berakas ketika menjalani latehan sa-bagai persediaan bagi temasha sokan pada hari Ahad ini.

TIGA orang pegawai Polis Diraja Brunei ini (dari kanan) Inspektor Hasnan Harris, A.K. Razale dan Pengiran Hassan telah menamatkan kursus sa-lama 20 minggu di-Sekolah Latehan Polis di-Hendon, England baru2 ini. Gambar atas menunjukkan salah sa-orang jurulatih sekolah itu menguchapkan tahniah atas kejayaan mereka menamatkan latehan tersebut.

Sa-masa menjalani latehan, mereka telah mempelajari teknik2 mengenai penyiasatan dan alat moden untuk memelihara undang2 dan peratoran negeri.

Kursus itu juga termasuk lawatan2 ka-beberapa buah Ibu Pejabat Polis dimana mereka mempelajari berbagai teknik bagi menchegeh jenayah dalam lain2 peringkat - kota, bandar dan kampung.

Kemunchak dari lawatan mereka itu ia-lah lawatan ka-New Scotland Yard di-mana mereka memerhatikan pegawai2 di-sana menjalankan kerja dalam menchegeh jenayah.



sa-banyak di-bandingkan dengan kekuatan panchutan jet ayer dari hose mulut kechil. Tapi letrik, kian kuat dan tinggi voltage-nya kian kuat pula mendekatkan pada maut bila saja terkena. Oleh itu bila sa-seorang terkena letrik, jangan membuang masa usahakan supaya dapat di-bawa ka-hospital atau beri-lah pernafasan serta merta.

Rawatan ringkas
1. Dengan segera jauhkan pesakit itu dari karan dengan menutup

switch besar atau dinding tapi jika susah hendak menutup switch jauhkan pesakit dari wire karan itu dengan memin-dahkan wire itu dengan menguis menggunakan kayu atau apa saja kechuali besi dan benda2 basah. Jangan chuba memegang wire itu kerana ia maseh hidup dengan karan.

2. Sa-telah pesakit jauh dari karan letrik atau wire letrik jauh dari pesakit, bawa-lah pesakit dengan segera ka-tempat selamat dan longgarkan segala pakiaian di-leher, dada dan pinggang. Sambil itu arahkan orang lain memanggil ambulance.

3. Jangan buang masa. Teruskan pemulahan nafas chara mulut ka-mulut, dan jika paru2 berhenti bergerak, pulehkan chara gerakan jantung dari luar (heart massage). Buat-lah sa-perti ini walaupun di-dalam ambulance.

4. Jika pesakit lebih dari satu, maka tulong-lah pesakit yang lebih terok dan tidak bernafas, dan bagi pesakit lain arahkan orang keliling menolong-nya dengan meniru apa yang awak buat jika boleh, jika tidak awak sambil menolong sambil memberi arahan perlu untuk di-buat orang lain itu.



Teachers College has trained over 600

GADONG. — A total of 611 young men and women have graduated from the Sultan Hassanah Bol-kiah Teachers Training College here since 1971 the year it was completed and started taking in students.

The Acting Principal of the College, Dayang Misli bte Haji Awang, who disclosed this during an interview with 'PELITA' also said that there are 195 students undergoing training at the college at the moment including 78 who are in their final year and due to graduate this December.

The remaining 117 are all in their first-year and will be counted as second-year students next month.

They will be joined next month by about 130 students who were interviewed by the Education Department recently.

Previously the course in both English and Malay streams lasted two and a half years but following changes made in the regulations the college now offers a full three-year course commencing last July.

To be accepted for the course, the applicants must be Brunei citizens and have passed four relevant subjects preferably English Language, Mathematics and Science at Ordinary Level of the General Certificate of Education examination or its equivalent.

Once admitted, they will be provided with food and lodging as well as other facilities at the hostel.

They will each receive a monthly allowance of \$210.00 during the first and second year, and \$225.00 in the third and final year.

During their three years at the college, they will learn in both theory and practical all aspects of the teaching profession including such compulsory subjects as educational sociology, psychology, philosophy and history, and methodology, Islamic religion and physical education.

Other subjects which are optional include advanced mathematics and science, geography, arts and crafts.

The practical side of the course includes teaching at primary and secondary schools.

They are being taught all these and more by qualified lecturers who at present number thirty-three of whom twenty-one are locals and the rest on contract from overseas.

Dayang Misli also disclosed

that nine assistant lecturers are currently taking up diploma and degree courses abroad.

Besides the students, three teachers and thirteen trainee instructors are presently undergoing in-service training at the college.

Looking for something in buckets full of sawdust, as these ladies are doing above, was one of twenty-one events in the fun sports meeting held at the Kuala Belait Recreation Club padang a fortnight ago.

The meeting, organised by the Belait Youth Council, was modelled on the British "It's A Knockout" series which was recently screened on television in Brunei.

The District Officer, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar declared the meeting open and his wife Datin Naemah binte Haji Razali presented the main prizes to the winners.

Girls advised not to go out unaccompanied

GADONG. — There has been an increase this year in the number of young girls reporting that they have been sexually assaulted.

This was disclosed in a statement issued this week by the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid who said that there have probably been several more such incidents but the girls have been too frightened or ashamed to report to the police.

Pengiran Setia Raja said in the majority of reported cases there has been an obvious lack of parental control, young girls being permitted to stay out until late at night.

Also, he said, in the majority of cases young girls had accepted lifts in cars from youths who were either unknown or only slightly known to them.

"The time has come for me to give some words of advice to parents and

young girls", he said.

The Commissioner advised that parents with teenaged daughters should ensure that their daughters wear conservative clothing and not the sort that attracts attention from men.

They should also ensure that their daughters do not go out at night except in the company of relatives or close friends known to the parents.

He said: "If parents are unable to exercise sufficient control over their daughters they should seek assistance from either the Welfare department or the police."

The commissioner said young girls should not accept lifts from any men unless they are relatives. They should not talk to strangers and should not mingle with the crowds outside cinemas and other public places.

He said: "If they are accosted by strange men in cars, they should ignore them but make a note of the licence plate numbers and inform

BRUNEI ALL SET TO CELEBRATE BIRTHDAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — A few of the more popular events in the programme to celebrate His Highness the Sultan's thirty-second birthday next month have been finalised.

Two of these are a tug-of-war tournament and a procession of decorated cars and bicycles, and lanterns which will be held here as part of the celebrations in Brunei Muara District.

The tug-of-war tournament is being organised by the Birthday Celebrations Executive Committee and supervised by the Patuh Association.

The tournament is divided into two sections and open to youth and welfare associations, government departments, firms, schools and colleges and kampongs.

Those interested can obtain further details and entry forms from Pengiran Duraman bin

Pengiran Haji Omarali at Radio Television Brunei and Pengiran Mohammad bin Pengiran Sarifuddin at the Medical and Health Department here. The forms must be returned not later than tomorrow.

The decorated car and bicycle, and lantern procession is also being organised by the Executive Committee and will take place here on July 16.

It is open to government departments, firms, clubs, youth and welfare organisations, and schools and colleges.

Entry forms are available from Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit at the Pensions Department.

The forms should be completed and returned before July 6.

Two other items namely the Malay martial arts competition, silat and kuntau, and a sepak takraw

are also in the programme. The silat and kuntau competition will be held at the Town Hall here on June 20.

The winners in both sections will receive free return air tickets from Brunei to Singapore in addition to Oscars and challenge trophies.

They will also represent the district at the state finals to be held next month.

Similar competitions will also be held in the Tutong and Belait districts at the Pantai Keningan and Kuala Belait Civic Centre respectively on June 25.

The sepak takraw tournament, organised by the Brunei Malay Teachers Association, started on Monday at the Youth Centre here.

The head of the Training Unit of the Establishment Department, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, declared the tournament open on Saturday night during which exhibition matches were held.

A total of thirty-three teams — nineteen in Division A and fourteen in Division B — representing government departments, youth and welfare associations, clubs, firms, kam-

pongs, and schools and colleges in the Brunei Muara District are taking part in the tournament.

The Executive Committee of the Birthday Celebrations for the Belait District is also organising a sepak takraw, a soccer and tug-of-war tournaments.

They are open to youth and welfare associations, club, government departments, firms, kampongs, schools and colleges in the district.

Further details and entry forms can be obtained from Awang Ismail bin Apong at the Welfare, Youth and Sports Department in Kuala Belait.

Entry forms for the sepak takraw tournament should be returned before June 17, and for the soccer and tug-of-war tournaments not later than June 19.

Race marks Prince's Birthday

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nearly three hundred men and women took part in a semi-marathon race held last week to mark the birthday of Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, the prince of His Highness the Sultan and Her Highness the Raja Isteri.

The race, the third to be organised by the Sumbiling Youth Association, was divided into five sections.

The distance for men was seventeen miles and for women ten miles starting from Muara Town and Pangkalan Sibabau respectively.

The men's and women's sections (open) were respectively won by Awang Sarifudin Ibrahim and Dayang Normah Metussin while Awang Saifon Laman triumphed in the veteran section.

The Salambigar team was first in the team section for men while that for women was won by the Berakas team.

The Chairman of the Public Service Commission, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman presented the prizes to the winners at the Youth Centre here at the end of the race.

Seven off to Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN. — A group of five officers from the Department of Immigration, Registrar of Nationals and National Registration left the State for Singapore last week for an educational tour in the republic.

The officers are Awang Mohammad Yusof bin Dagong, Awangku Kamaluddin bin Pengiran Abdul Wahab, Awang Naweh bin Ura, Awang Abdul Hajis bin Amal and Awang Abidin bin Haji Serudin.

They are the third group to be sent there this year and will be attached to the Singapore Immigration Department for about a month.

The two earlier groups, each consisting of six officers, had also attended a similar educational tour.

The first group went to the republic in April while the second batch returned home last week.

Also leaving last week for Singapore were two officers from the Postal Services Department.

The officers, Awang Ahmad bin Nordin and Awang Marak bin Nyawa, will take up a course in advanced clerical work at the Singapore General Post Office.

They will be away for approximately a month.

551 to perform Haj

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of 551 people including eleven boys and thirteen girls from throughout the State will fly to Mecca this year to perform the Haj.

Of the adults, 273 are men and 254 women. All the children are under twelve years old.

Of the total 444 are from

the Brunei Muara District, 50 from the Belait District, 36 from the Tutong District and 21 from the Temburong District.

A Religious Affairs Department spokesman said the pilgrims will leave Brunei for Jeddah some time in mid-October.

As usual, he added, before their departure they will be given courses on how to perform the Haj.



BAIK dalam masa mewah atau dalam masa susah, sa-seorang itu hendaklah mengamalkan chara2 berbelanja yang berpatutan, yang tidak sampai kepada perengkat membazir. Kerana sifat membazir itu adalah satu sifat yang burok yang merugikan, yang sangat2 tidak disukai oleh Allah Ta'ala. Firman-nya di-dalam Al-Kor'an yang bermaksud: "Bahawasa-nya orang2 yang membazir itu ada-lah saudara shaitan."

Di-dalam hubungan ini, orang2 perempuan lebih mudah atau lebih banyak barangkali yang terlibat daripada orang2 lelaki. Maksud kita ia-lah kaum isteri, kerana mereka itu mempunyai kedudukan tinggi selaku wakil yang mengurus perbelanjaan rumah-tangga. Sering kedatangan sa-buah rumah-tangga itu kusut dan menempoh kesukaran ia-lah di-sebabkan oleh gelagat para isteri, yang tidak pandai mentadbir perbelanjaan-nya. Mereka tidak peduli, asal sahaja chantek di-mata dan sedap di-hati, mereka mahu mendapat dan membeli-nya, walau pun kadang2 benda itu kurang perlu dan tidak banyak guna-nya.

Ini-lah di-antara sifat2 membazir yang se-

ring kedatangan dalam masyarakat kita, dan yang menjadi mangsa ia-lah para suami serta rumah-tangga2 yang sa-patut-nya tidak-lah harus sa-burok itu. Berpuncha daripada sifat membazir, seribu-satu macham trajidi rumah-tangga boleh berlaku, saperti antara-nya terperangkap dalam hutang-piutang, perkelahian suami-isteri dan lain2 lagi. Orang yang membazir juga tidak

akan hampir kepada rahmat dan pahala.

Sa-balek-nya para isteri yang chermat, berbelanja dari belanjawan rumah suami-nya tanpa pembaziran, ia-lah isteri2 yang sentiasa mendapat pahala dari apa yang di-belanjakan-nya, serta suami juga akan beroleh ganjaran yang sama dari hasil usaha-nya, sa-bagaimana hal ini diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadith-nya riwayat As-

Shaikhan daripada Aishah r.a yang bermaksud: "Apabila sa-orang isteri berbelanja dari belanjawan rumah suaminya tanpa pembaziran, maka ia akan mendapat pahala dari apa yang di-belanjakan-nya, dan suami juga akan beroleh ganjaran dari hasil usaha-nya, dan si-penjaga belanja juga akan beroleh pahala yang sama. Sa-tengah dari sa-

tengah-nya tidak kurang pahala-nya walau pun sedikit."

Demikian-lah! Uga-ma Islam telah meletakkan satu garis panduan bagi para isteri dan pengurus rumah-tangga yang di-amanahkan supaya mereka menguruskan perbelanjaan rumah-tangga itu dengan jimat-chermat dan menjauhi sebarang pembaziran yang boleh

KHUTBAH JUMAAT



memberatkan lagi beban para suami. Ada pun orang2 yang berbuat demikian itu tidak-lah perchuma. Mereka di-janjikan pahala atau ganjaran yang baik di-sisi Allah Ta'ala, di-samping berguna untuk kesetabilan ekonomi rumah-tangga juga.

DI-TIADAKAN

DALAM Khutbah Jumaat keluaran minggu lalu dalam para kedelapan baris lima hingga dua-belas yang berbunyi "tidak melazimkan hadir ka-masjid kerana berjumaat. Dan bahkan ada pula yang tergamak lalu di-hadapan masjid tetapi tidak singgah berjumaat. Atau kalau ia berjumaat dudok di-masjid, tetapi" ada-lah dengan ini di-tiadakan. — PENGARANG.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Jun, 1978 hingga ka-hari Selasa 20hb Jun, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
14hb Jun		12.26	3.46	6.37	7.49	4.37	4.52	6.07
15hb Jun		12.26	3.46	6.37	7.49	4.37	4.52	6.07
16hb Jun		12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
17hb Jun		12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
18hb Jun		12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
19hb Jun		12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
20hb Jun		12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

MAJLIS MUHIBBAH DAN KESHUKORAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai kira2 200 orang pelajar Kor'an Awg. Hj. Mashud bin Haji Awang Damit, johan qari antarabangsa 1977 telah berhimpun dalam majlis muhibbah dan keshukoran yang telah di-adakan di-Bilek Mashuarat Jabatan Bomba di-sini pada malam Rabu, 7hb. Jun yang baru lalu.

Majlis tersebut yang di-usahakan oleh Pelajar2 Kor'an Jabatan Pasokan Bomba telah di-pengerusikan oleh Awg. Wahabi bin Metussin, Pemangku Timbalan Pengawal Pasokan Bomba, Brunei dan telah di-mulai dengan persembahan bacaan Al-Kor'an dari empat orang pelajar

berkenaan dari empat buah Jabatan Kerajaan.

Dalam majlis itu juga di-adakan penyampaian chendera-mata kepada pelajar2 tersebut yang di-sampaikan oleh Nazir Kanan Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Awg. Hj. Mahalee bin Hj. Abdullah.

Kelihatan dalam gambar2 ini (atas) Awg. Hj. Mahalee sedang menyampaikan chendera-mata kepada pelajar Kor'an, Awang Md. Yusof bin Abu Bakar dari Jabatan Pelajaran, sementara gambar2 bawah sa-bahagian dari pelajar2 perempuan dan lelaki serta para jemputan yang hadir di-majlis tersebut.



KELULUSAN2 ijazah yang di-perolehi dari sa-sebuah universiti dan maktab universiti di-United Kingdom ada-lah dikeluarkan oleh masing2 universiti tetapi yang di-perolehi dari politeknik di-korniakan oleh Council for National Academic Awards (CNAA). Pengorniaian ijazah oleh CNAA itu juga di-buat bagi sa-tengah ijazah luar universiti London (external degrees of the University of London) dan maktab2 pelajaran lanjutan (further education colleges) yang memberikan kursus2 ijazah. CNAA ia-lah sa-buah badan di-luar universiti yang boleh mengorniaian ijazah. Kebanyakan kursus2 ijazah CNAA ada hubungan rapat dengan majikan yang melibatkan

tempoh2 pengajian dan pengalaman kerja seperti 'sandwich courses'. Ijazah2 CNAA kebanyakan-nya di-istilahkan sa-bagai kursus2 ijazah "Combined Studies", "Modular" atau "Multidisciplinary" dan membolehkan penuntut2 memilih "options" atau "modules" dari banjaran luas matapelajaran2. Taraf kelulusan ijazah yang di-korniakan oleh universiti dan CNAA itu ada-lah sama di-akuai. Ada sa-banyak 30 buah politeknik di-seluruh England dan Wales.

Saya belum-lah berha-jat untuk menghuraikan butir2 perbedzaan antara universiti dan politeknik, lain2 pusat pengajian tinggi di-United Kingdom, mengenai jenis2 kursus dan peringkat2 kelulusan. Perkara itu terlampau kusut untuk di-huraikan kerana United Kingdom ada tiga buah sistem pelajaran.

Sungguh pun United Kingdom sa-bagai sa-buah negara yang mempunyai satu bendera kebangsaan yang di-panggil "Union Jack", tetapi mempunyai tiga buah sistem pelajaran yang berasingan. England dan Wales di-bawah satu sistem pelajaran yang sama ia-itu di-panggil sistem pelajaran England dan Wales. Tetapi Scotland dan Ireland Utara mempunyai masing2 sistem pelajaran-nya. Ketiga2 sistem pelajaran itu tidak sama antara satu dengan yang lain. Pentadbiran dan pengendalian dalam hal chwal pelajaran pun berbedza2. Mungkin pada suatu masa akan datang saya akan chuba menggambarkan berhubung dengan sistem pelajaran di-United Kingdom itu.

Boleh di-katakan hampir semua murid2 di-Brunei berchita2 untuk berhijrah ka-"England" untuk melanjutkan pelajaran. Perkataan "England" itu sangat mashor di-kalangan orang2 Brunei. Walau pun sa-seorang pe-

nuntut itu belajar di-Wales atau di-Scotland tetapi maseh di-katakan juga ia belajar di-England. Mashor-nya sebutan England itu telah mengalahkan sebutan United Kingdom dan Great Britain dan apa tah lagi nama Wales dan Scotland sa-olah2 tidak terdapat di-dalam peta.

Ada-lah menjadi tanda tanya, mengapa keinginan untuk melanjutkan pelajaran itu sentiasa menghala ka-England? Satu sebab yang munasabah ia-lah Brunei belum lagi mempunyai instituit pengajian tinggi. Antara sebab2 yang lain ia-lah berbagai2 jenis kursus boleh di-dapati di-United Kingdom dan bahasa pengantar-nya dalam bahasa Inggeris itu boleh menggalakkan penuntut2 Brunei untuk mengikut-nya kerana kita banyak mempunyai murid2 dari sekolah2 aliran Inggeris. Malah pada akhir2 ini penuntut2 dari aliran Melayu pun banyak melanjutkan pelajaran ka-negeri ini.

Hal melanjutkan pelajaran ka-United Kingdom itu bukan hanya terjadi kapada Brunei tetapi negara2 Commonwealth ia-itu negara2 yang bekas tanah jajahan British juga menghantar penuntut2-nya belajar di-United Kingdom. Sepatut-nya perkara itu tidak terjadi kerana semua negara2 Commonwealth itu sudah mempunyai instituit2 pengajian tinggi masing2. Saya tidak-lah dapat membuat alasan2 atau sebab2-nya tentang mengapa mereka mahu menghantar penuntut2 mereka ka-United Kingdom. Bagaimana pun saya berpendapat bahawa banyak jenis2 kursus yang mereka belum mampu mengadakan-nya di-negeri sendiri dan mungkin tujuan mengimpot pengalaman luar. Umpama-nya Malaysia mempunyai empat buah universiti di-samping

mempunyai lagi beberapa buah instituit pengajian tinggi, tetapi lebih 15,000 orang penuntut2-nya yang melanjutkan pelajaran di-United Kingdom. Pendek kata penuntut2 dari lima benua datang ka-United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran. Mengikut perangkaan yang di-terbitkan oleh The British Council bahawa ramai penuntut2 luar negeri yang belajar di-United Kingdom dalam tahun pengajian 1975/76 ia-lah berjumlah 114,064 orang. Penuntut2 itu datang-nya dari 187 buah negara.

SEKATAN

Kemerosotan ekonomi menyebabkan peruntukan bagi belanjawan pelajaran di-United Kingdom telah di-kurangkan. Tindakan ini di-ikuti oleh banyak maktab2 telah dan akan di-tutup dan fakulti2 di-pusat2 pengajian tinggi di-kurangkan. Dalam tahun2 1976 dan 1977 banyak tunjok2 perasaan di-adakan oleh raayat Inggeris kerana membantah pengurangan belanjawan pelajaran itu. Tunjok2 perasaan tinggal menjadi pertunjukan sahaja, keputusan Kerajaan berjalan terus. Kerajaan tidak mampu untuk berbelanja besar. Kemerosotan ekonomi itu telah di-jelaskan melalui sebaran 'am dan ditegaskan bahawa pendapatan negara dari hasil minyak di-Laut Utara (North Sea) belum dapat mengatasi sapenoh-nya masalah ekonomi itu, kerana hutang negara kapada IMF (International Monetary Fund) pun belum sa-imbang dengan pendapatan itu.

Kerajaan berpendapat bahawa penuntut2 dari luar negeri yang belajar di-Great Britain sudah terlampau ramai bilangannya. Ini tidak ekonomik bila di-biar berterusan. Terpu-lang-lah kapada pakar ekonomi untuk menghuraikan teori itu. Perkara ini di-sedari mereka apabila terdapat instituit2 yang mempunyai penuntut2 luar negeri lebih ramai daripada penuntut2 tempatan. Ada pula sa-tengah2 fakulti di-pusat2 pengajian tinggi itu hanya terdapat penuntut2 luar negeri sahaja tanpa penuntut2 tempatan. Sungguh pun demikian instituit2 persendirian sangat bergantung kapada penuntut2 dari luar negeri untuk hidup. Oleh itu kedudukan instituit persendirian tidak termasuk dalam teori ekonomi Kerajaan. Masalah ekonomi yang di-ambil berat oleh Kera-

jaan ia-lah mengenai instituit2 yang mendapat peruntukan kewangan dari Kerajaan.

Langkah2 untuk menyekat kemasokan penuntut2 dari luar negeri ka-United Kingdom telah di-ambil. Sekatan tersebut di-tegaskan dalam surat keliling Jabatan Pelajaran dan Sains ia-itu Circular No 1/77 bertarikh 14hb Januari, 1977. Berikutan dengan perintah itu pengambilan penuntut2 dari luar negeri kian berkurangan. Akan tetapi ada juga beberapa buah instituit tidak mengindahkan perintah tersebut. Tindakan telah di-ambil ka-atas mereka. Di-bawah ini ia-lah petekan berita dari akhbar The TIMES, London bertarikh 26hb Januari, 1978 mengenai tindakan Inner London Education Authority, terhadap instituit2 yang engkar dari dasar mengurangkan bilangan penuntut2 luar negeri itu.

"A new policy on the reduction of overseas student numbers as agreed by the further and higher education subcommittee of the Inner London Education Authority yesterday. At the same time the subcommittee cut the block grants of two London polytechnics by £50,000 each for failing to reduce their overseas student enrolment this year."

The Authority decided last spring that the proportion of overseas students in colleges in inner London, which at that time accounted for a quarter of the total full-time and sandwich-course student body of about 40,000, should be reduced to no more than a tenth of the total by 1981.

The subcommittee yesterday agreed to abandon that college-based policy in favour of one limited the number of overseas students enrolled on each course. By 1981 no course should have more than one third of overseas students on it. One course at a London college has at present only two UK students out of a total enrolment of 40."

Dasar baru yang di-buat oleh Kerajaan Inggeris itu tentulah tidak mengembirakan kapada penuntut2 luar negeri yang berchita2 akan melanjutkan pelajaran ka-United Kingdom. Dalam hal ini kita tidak-lah dapat angkat suara untuk menyalahkan sikap Kerajaan Inggeris mengambil tindakan demikian itu. Hak masing2 negara untuk menjaga kepentingan diri-nya sendiri. Umpama-nya Kerajaan Saudi Arabia pun membuat sekatan mengenai ramai jemaah haji yang akan menunaikan rukun Islam yang kelima di-Mekah.

Pengiran Anastapha menulis dari LONDON



Dari segi ugama Islam tidak ada sekatan mengenai bilangan orang yang akan mengerjakan fardhu haji ka-Mekah. Akan tetapi dari segi politik atau pentadbiran Saudi Arabia, orang yang akan menunaikan fardhu haji hendak-lah patoh kapada pentadbiran negara itu kerana Ka'aba di-negara Saudi Arabia.

Penuntut2 Brunei tidak terkechuali dari dasar itu. Terdapat banyak penuntut2 dari Brunei yang berhajat untuk memohonkan tempat belajar di-Great Britain telah gagal kerana dasar menyekat penuntut2 dari luar negeri itu. Kemungkinan untuk menempatkan ramai penuntut2 dari Brunei belajar di-negeri ini pada masa akan datang kian pudar. Jika pun berjaya mendapat tempat belajar, boleh-lah di-katakan "nasib baik sahaja" atau pun kelulusan2 yang di-punyai oleh penuntut2 Brunei terlalu baik untuk di-tolak mereka. Dalam hubungan ini kita harus-lah berusaha membuat kompas baru untuk menempatkan penuntut2 kita bagi melanjutkan pelajaran mereka sementara belum terdapat pengajian tinggi di-Brunei.

(BERSAMBONG)

Pembinaan tempat perhentian bas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pembinaan beberapa buah tempat perhentian bas sedang di-laksanakan bagi kawasan Bandar Seri Begawan dan sepanjang jalan di-Daerah Brunei/Muara. Ini termasuklah pemeliharaan tempat2 bagi pondok2 tersebut, melebarkan jalan tempat bas berhenti dan jumlah tempat perhentian yang akan di-bena. Perbelanjaan bagi projek itu telah pun di-sediakan.

Ketika ini Daerah Brunei/Muara hanya mempunyai lima buah tempat perhentian bas, termasuk satu di-Perkhemahan Bolkih dan di-Batu 2½ Jalan Kota Batu.

Makmal Sains

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pembinaan makmal sains bagi Sekolah Menengah SMJA sedang giat di-jalankan. Pembinaan bangunan yang menelan belanja kira2 \$200,000 itu bermula dalam bulan Februari dan di-jangka siap akhir tahun ini atau awal tahun depan.

Apabila siap nanti bangunan itu akan mempunyai tiga buah makmal sains yang lengkap dan sa-buah setor.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivshen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 14HB. JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA "Families Will They Survive"
- 6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — "Blue Grass Mountain Race"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 HAWAII FIVE O — "Killer at Sea"
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 HAWAII FIVE O — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 MAJLIS PERBINCANGAN
- 9.00 BOLASEPAK PIALA DUNIA
- 10.40 DOCTOR AT LARGE — "Bewigged, Bothered and Bewildered" Paul bekerja keras dalam sa-buah jabatan (rumah sakit) dan Michael masuk ka-pejabat-nya bersama dengan kawan2-nya. Paul mengambil peluang dan menyuruh Michael menggantikan-nya sementara beliau berehat.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 15HB. JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SPENCER'S PILOTS
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 SPENCER'S PILOTS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE OREGON TRAIL — "The Man Wouldn't Die"
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 THE OREGON TRAIL — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 WORLD CUP PROFILE
- 8.40 HIDAYAT
- 9.10 TAYANGAN FILEM MELAYU DOKUMENTARI Bahasa Melayu: 'Jiran kita di-Asia' Bahagian ketiga
- 11.40 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 16HB. JUN,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Angin"
- 5.30 HERE'S MUMFIE — "Mumfie Makes a Strange Catch"
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.30 THE SELFISH GIANT
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 THE SELFISH GIANT — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DONNY AND MARIE OSMOND SHOW
- 7.50 AZAN ISHA
- 7.54 DONNY AND MARIE OSMOND SHOW — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 WORLD CUP PROFILE
- 8.40 SEKITAR TANAH AYER
- 9.10 THE WATER MARGIN — Episode kelapan Sa-telah peperangan di-Shallow River of the Dead berhenti, Sung Chiang menchari kawan-nya, Hua Yung. Askar2 Lin Chung sa-makin bertambah untuk menentang musuh2 yang maseh belum dapat di-hapuskan.
- 10.00 THE GOOD LIFE — "Just My Bill" Siri yang pertama komidi baru yang di-bintangi oleh Richard Briers dan Felicity Kendal.
- 10.30 MYSTERY MOVIE: McCloud "The Great Taxicab Starnede"
- 12.00 SIARAN TAMAT.

SABTU - 17HB. JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Flying Sorcerer"
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 STARKY AND HUTCH —
- 7.50 AZAN ISHA

- 7.54 STARKY AND HUTCH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 BOLASEPAK PIALA DUNIA
- 10.10 STARS ON ICE
- 10.40 YITKIN SEOW DI-DEWAN RAYA — Yitkin Seow sa-orang pemain piano agong berasal dari Singapura. Beliau belajar di-Yehudi Menuhin's School dan di-Royal College of Music, dimana dia banyak memperolehi kemenangan.
- 11.30 SIARAN TAMAT.

AHAD - 18HB. JUN,

PETANG

- 5.10 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Kapal"
- 5.30 THE MAGIC BALL — "The City Under the Sea"
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 NEW SCOOBY DOO — "The Ozark Witch Switch"
- 6.28 THE PARTRIDGE FAMILY "I Can Get It For You Retail"
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIX MILLION DOLLAR MAN — "Moving Mountain"
- 7.50 AZAN ISHA
- 7.54 SIX MILLION DOLLAR MAN — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 PUSPARAGAM
- 9.15 ROOTS — Episode kelima. Adek perempuan Kunta, Kizzy, sekarang berumur enam belas tahun. Dia melihat ladang2 Dr. William ada-lah tempat yang istimewa, tetapi kegembiraan-nya itu tidak berkekalan.
- 10.15 THAT'S HOLLYWOOD
- 10.45 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 19HB. JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE ROVERS — "A Day at the Zoo"
- 6.30 BIG BLUE MARBLE
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 BIG BLUE MARBLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS
- 7.47 AZAN ISHA
- 7.51 CHARLIE'S ANGELS
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SERIKANDI
- 9.00 ARENA SOKAN — School's Athletics.
- 10.30 VAN DER VALK — "The Runt" Sa-orang penchuri, tiba2 menjadi kaya dan berkaitan dengan satu keluarga yang ternama. Van der Valk mulai menyiasat-nya.
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SELASA - 20HB. JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.42 SESAME STREET — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MAN FROM ATLANTIS — "Mud Worm" Mudworm — sa-jenis machine robot



MULAI hari Jumaat ini, RTB akan menayangkan satu siri komidi yang baharu. Siri ini mengesahkan tentang penghidupan pasangan suami isteri Tom dan Barbera Good yang chuba menentang masharakat perusahaan di-kebun mereka sendiri. Mereka chuba untuk hidup berdikari dengan menanam sa-yor2an mereka sendiri dan memelihara binatang ternakan di-kebun mereka — yang mana perkara ini amat membencikan jiran2 mereka! Jiran sa-belah rumah mereka, Jerry dan Margot Leadbetter, tidak menyokong sa-penoh-nya kegiatan2 Tom dan Barbera. Ranchangan pertama dengan tajok "Just My Bill" memperlihatkan masalah2 yang dihadapi oleh keluarga Goods bilamana mereka membawa hasil2 perkebunan mereka ka-pasar.

Gambar: kelihatan Richard Briers sa-bagai Tom Good dan Felicity Kendal sa-bagai isteri-nya Barbera.

yang di-reka untuk memungut radio-active mineral telah di-jumpai di-atas permukaan laut yang tidak dapat di-kuasai lagi. Mark Harris di-panggil untuk menolong.

- 7.50 AZAN ISHA
- 7.54 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SEKITAR TANAH AYER
- 10.00 ENTERTAINERS ON TOUR
- 10.30 NATIONAL GEOGRAPHIC — "Malapetaka Bumi".
- 11.20 SIARAN TAMAT.



TODD Susman yang berlakun sa-bagai Stan Lewis dalam siri SPENCER'S PILOT. Dalam kisah "The Prisoner" Cass Garrett dan Stan Lewis di-kehendaki menghantar dengan kapal-terbang pembunuh yang menghadapi hukuman dan penjaga-nya, sa-orang deputy Sheriff, ka-Utara California, di-mana pembunuh itu akan di-penjarakan. Ia-nya kelihatan saperti satu penerbangan biasa tetapi timbul pula kekacauan bilamana terdapat chubahan untuk melarikan diri oleh si-pembunuh.



SUASANA dalam OB Van (Unit Siaran Luar RTB) sa-sama rakaman ranchangan khas, Upachara Perbarisan Hari Keputeraan Baginda Queen pada 3hb Jun, 1978 yang lalu. Dari kanan Pengiran Othman Pg Ismail (Pencerbit), Zainon Haji Hashim (Vision Mixer) dan Mirhassan Haji Abu Bakar (Jurutera).

INTISARI




'Koalas' dan Big Game Fishing

DALAM siri ranchangan Jiran Kita Di-Asia minggu ini, Awda penonton akan dapat melihat Koala, sa-jenis beruang kecil yang telah menjadi simbol antarabangsa Australia. Binatang2 ini bukan-lah binatang yang jarang2 ditemui, tetapi sangat sedikit yang diketahui mengenai mereka. Mereka adalah sa-jenis binatang yang bergerak perlahan dan boleh di-katakan tidak begitu merbahaya. Koala ini selalu-nya menghabiskan masa mereka di-dahan2 tinggi pada sa-jenis pokok kayu puteh. Filem ini mengambil gambar2 mereka ketika mereka berlari2, berenang dan memanjat.

Sa-telah itu pula Awda penonton akan di-bawa melihat sa-jenis achara menangkap ikan2 besar di-Australia. Filem yang penuh aksi ini telah diambil di-pantai batu karang yang indah ia-itu Great Barrier Reef.

Dokumentari dalam bahasa Melayu ini akan dapat Awda tunton pada hari Khamis esok, jam 11.10 malam.



BINTANG KECHIL YG BESAR

KIRA2 dua ratus orang chalun telah di-terima untuk menyertai ranchangan Bintang Kechil RTB 1978. Bintang kechil, tetapi besar erti-nya bagi RTB itu telah mengadakan pemilihan dan pertandingan suku akhir untuk memilih sa-ramai 15 orang chalun ka-pertandingan akhir yang di-jadualkan akan berlangsung bulan hadapan.

Sejak 28hb Mei yang lalu Radio Brunei telah menyiarkan siri ranchangan tersebut. Siri Bintang Kechil ini di-siarkan pada tiap2 hari Ahad jam 9.30 pagi dan siri terakhir akan ka-udara pada 25hb Jun ini. Dan ada-lah di-jadualkan bahawa pertandingan akhir Bintang Kechil 1978 akan berlangsung pada 8hb Julai 1978 bertempat di-Dewan Raya Bangunan RTB di-Bandar Seri Begawan. Pertandingan akhir ini di-ranchangkan akan di-siarkan sa-chara langsung oleh Radio dan TV Brunei.

Kanak2 atau chalun2 yang mengambil bahagian dalam siri ranchangan ini berumur di-antara tujuh hingga dua belas tahun. Tujuan Radio Brunei melancarkan ranchangan ini ada-lah sa-jajar dengan Bintang Radio pada masa yang lalu, ia-itu dalam satu usaha mengadakan persediaan di-hari ini untuk keperluan hari esok.

Kita menyedari bahawa lapangan media-mass di-negeri ini sangat2 memerlukan tenaga para artis 'local'. Tenaga artis ini di-perlukan dalam banyak bidang seni dan budaya. Dalam meneropong jauh ka-depan itu-lah kita bersedia menghadapi tugas untuk menjayakan siri bintang kechil ini. Apa lagi bila memikirkan bahawa kebolehan anak2 kechil ini bukan sahaja untuk diperlukan pada 10 tahun akan datang atau di-tahun 1990 tetapi ia di-perlukan sekarang kerana Radio dan TV Brunei 'lapar' dengan tokoh penyanyi/pelakon kanak2 ini.

Radio dan TV Brunei mempunyai beberapa buah ranchangan khusus untuk kanak2 dan untuk menjayakan ranchangan ini kita memerlukan kanak2 yang 'talented'. Semoga Bintang Kechil yang besar erti-nya ini akan berjaya melahirkan 'local artists' bagi memper-teguh jentera media-mass ia-itu Radio dan Talivishen.

GAMBAR kanan kelihatan salah sa-orang peserta Bintang Kechil sedang membawakan sa-buah lagu semasa pemilihan yang di-adakan di-studio RTB baru2 ini, sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari peserta menunggu giliran mereka semasa pemilihan tersebut.



Ranchangan2 menarek untuk adek2 dalam "S. A. S"

DALAM ranchangan SAYANG ADEKKU SAYANG petang Jumaat ini adek2 penonton akan menyaksikan karya2 yang berupa archa, anyaman dan sulaman yang indah buatan-nya; seperti sa-ekor angsa yang di-perbuat dari straw; sa-ekor ular yang di-buat dari akar kayu; sa-biji takiding kechil yang di-buat dari rotan; sa-orang kanak2 sedang tekun membaca buku di-buat dari plasticine dan lain2 lagi.

Adek2 juga akan dapat mendengar satu cerita yang sangat menarik bertajuk 'Burong Bermata Satu'. Cerita ini mengandungi satu nasehat yang baik untuk pedoman adek2 dalam menghadapi kehidupan sehari2.

Kapada adek2 yang gemar makan gula2 mestilah berfikir dua kali sebelum memakan-nya ber-lebeh2an. SAS kali ini ada menyelitkan sa-buah filem yang menunjukkan gigi2 yang reput di-sebabkan tindakan balas benda2 yang manis seperti gula2 ka-atas gigi2 itu.

TAHU-KAH ADEK berapa banyak-kah gigi kekal yang di-punyai oleh sa-orang dewasa? Apakah nama khas yang diberikan kapada gigi yang kita mileki sa-masa kechil? Ada-kah sa-orang kanak2 itu mempunyai 32 batang gigi susu? Bila-kah masanya gigi kekal itu mula membentok? Semua soalan2 ini akan dapat diikuti jawapan-nya dalam SAS petang Jumaat ini.

Adek2 juga berpeluang untuk merebut hadiah2 khas SAS dengan menghantar jawapan2 bagi soalan kuiz minggu ini. Soalan2-nya? Saksikan-lah SAS pada hari Jumaat jam 6.02 petang.



DUA orang juru ulas, sedang membuat liputan Upacara Perbendaharaan Queen Elizabeth II yang di-siarkan pada 3hb Jun, 1978. Awg Malek Awg Tengah dan Dayang Aisah Mesir (Pembantu).

I-NYA



Hari Keputeraan DYMM Seri Annuar Haji Abdul Hamid, (atas).



PERMAINAN piano solo oleh Yitkin Seow akan dapat Awda saksikan pada 17hb ini; melalui saluran 5 dan 8 Radio Talivishen Brunei. Beliau ada-lah berasal dari Singapura.

Sa-waktu berumur 10 tahun, beliau telah menunjukkan bakat-nya dalam seni muzik, terutama sekali dalam permainan piano. Sa-waktu berumur 12 tahun, salah sa-orang pemain piano yang agong, ia-itu YEHUDI MENUHIN telah menjemput Yitkin memasoki sekolah-nya.

Dalam sekolah muzik anjoran Yehudi Menuhin itu, Yitkin telah menunjukkan bakat-nya yang luar biasa, dan mempunyai masa depan yang chemerlang.

Yitkin telah banyak memenangi hadiah2 di-antara-nya ia-lah "Greater London Arts Association Young Musician of the Year", "New Philharmonia Martin Award", "Lambeth Award" dan lain2.

Dalam ranchangan khas ini nanti, Awda akan dapat menyaksikan sa-lama lebeh kurang 40 minit Yitkin akan menyusun jari2-nya yang lembut itu pada sa-buah piano, dalam permainan piano tunggal.

Mari Melanchong (Sambongan minggu lalu)

KESERAKKAN di-Hong Kong, atau kekurangan tanah untuk tempat tinggal penduduk-nya, yang terpaksa hidup berhimpit2, dengan bangunan yang berlapis2, menjadikan sa-orang pelanchong dari Brunei merasa shukor dengan keluasan tanah negeri kita untuk menampung hidup penduduk-nya dengan selisa. Sa-telah kita melihat semua keadaan ini, barulah kita barangkali akan sedar dan insaf betapa mustahak-nya memilih tempat hidup, tetapi untuk hidup di-Hongkong adalah terlatu sempit rasa-nya. Di-sebabkan keadaan kesempitan ini, terdapat beberapa buah hotel yang letak-nya tidak tentu arah kemana bahagian depan-nya. Bagitu pun banyak keanehan di-Hongkong ini. Akibat kekurangan tanah daratan, maka di-bena-lah sa-batang jalan tembus di-bawah laut dari Kowloon ka-Hongkong, tetapi teks yang membawa kita dari lapangan terbang terpaksa membayar \$10.00 bila melalui terowong, atau jalan di-bawah tanah ini. Jalan tembus di-bawah laut atau di-bawah tanah itu sepanjang 1½ batu dan telah di-buka pada tahun 1972. Semua kenderaan yang menggunakan-nya di-kenakan bayaran, tetapi walau pun di-kenakan bayaran ia tetap di-sukai ramai kerana kemudahan. Walaupun bagitu perkhidmatan 'ferry' lama maseh juga di-teruskan. Untuk melalui jalan bawah laut yang paling murah ia-lah menaiki bas yang di-kenakan bayaran chuma \$1.00 sahaja. Jika kita menggunakan jalan tembus ini, kita akan merasa hairan dengan kemajuan kejuruteraan yang menggunakan 'glass tunnel' (lingkungan kaca), yang melalui-nya kita dapat melihat pelabohan dari bawah.

Di-mana kita tinggal bila melanchong di-Hongkong? Di-Semenanjung Kowloon, kebanyakan hotel terletak di-kawasan Tsim-shat-sui. Kawasan ini chukop popular di-kalangan para pelanchong. Jika kita menginap di-Grand Hotel di-Kowloon ini, ia benar2 sesuai untuk orang yang sukakan 'shopping'. Keluar sahaja dari pintu hotel, belok ka-kiri kita akan bersua-

dengan pusat membeli belah bagi para pelanchong. Atau berbelok ka-sebelah kanan kita akan bertemu dengan kawasan membeli belah Vau-mati. Dan 10 minit berjalan terus ke hadapan kita akan sampai ka-Star Ferry ia-itu pelabohan untuk ka-Hongkong. Jika AWDA ingin menginap di-Pulau Hongkong — tidak di-Kowloon — pilihlah sama ada tinggal di-kawasan 'Central' yang biasanya menjadi tempat tumpuan para 'businessman' atau tinggal di-Causeway Bay. Pelanchong dari Brunei baik memilih tempat tinggal di-kawasan Causeway Bay ini, memandang kepada kemudahan membeli belah. Awda tidak perlu bimbang dengan hotel2 yang ada di-senaraikan dalam buku panduan pelanchong, kerana hotel2 tersebut memang tinggi mutu-nya dan betul2 ada 'class' tetapi sewa bilek hotel yang begitu tidak-lah murah, di-samping itu di-tambah 13% untuk bayaran 'service' dan chukai kerajaan. Potongan harga susah di-dapati. Ada enam buah hotel dalam senarai chatetan RBA dan Cathay Pacific, dalam apa yang di-katakan untuk para pelanchong 'shopover holiday' membeli belah sambil berchuti. Tawaran sewa bilek-nya jauh lebeh murah untuk tiga malam. Tanya-lah pada wakil 'travel' AWDA mengenai hotel ini. Dan pastikan AWDA membuat tempahan awal supaya tidak kechiwa.

Buku2 panduan pelanchongan yang di-keluarkan oleh Persatuan Pelanchongan Hongkong, ada juga menyenaraikan hotel2 dan Rumah2 Penginapan atau 'Guest House'. Salah satu dari rumah penginapan ini ia-lah YMCA yang terletak di-Salisbury Road di-tengah2 bangunan hotel2 class mewah di-Kowloon, dan bilek2 di-rumah penginapan seperti ini tidak semua-nya mempunyai bilek mandi sendiri atau talipon. kerana itu ia-nya di-fikirkan sesuai bagi beliau2 yang mengembara. Selain dari itu ada empat buah asrama beliau yang menawarkan tempat2 menginap dengan kemudahan2 dan perkhidmatan yang berlainan. Walau di-mana pun AWDA tinggal ada satu perkara yang sunggoh2 terasa murah ia-itu tambang Star Ferry ia-itu naik kapal menyeberang antara Hongkong dan Kowloon atau sebalik-nya. Sekali pun AWDA menumpang di-kelas satu, harga tiket-nya lebeh murah dari bayaran letak kereta di-Bandar Seri Begawan. Perkhidmatan Star Ferry ini telah berjalan dengan lancar sejak satu kutun yang lalu. Kapal2 penyeberang ini bertolak tiap2 lima minit sekali dan perkhidmatan-nya mulai dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 pagi esok.

Menjelang bulan September 1979, akan di-adakan satu lagi chara perkhidmatan me-

nyeberang antara Kowloon dan Hongkong. Usaha2 untuk mengadakan perkhidmatan kereta-api di-Hongkong nampak-nya tidak akan menambah kechanteikan tanah jajahan itu, tetapi satu usaha yang menakjubkan ia-lah untuk mengadakan perkhidmatan kereta-api di-bawah tanah. Bila rangkaian perkhidmatan kereta-api bawah tanah ini siap nanti, di-kawasan Kowloon sahaja akan ada 13 buah station dan di-Hongkong dua buah station, dan dua keping tanah yang terpisah itu akan di-hubungi pula oleh jalan kereta-api bawah tanah atau bawah laut.

Sa-belum jalan kereta-api bawah tanah itu siap, apa yang menarik perhatian para pelanchong biasa sekarang ini

ia-lah 'tram' satu jenis kenderaan yang membawa penumpang. Perkhidmatan 'tram' ini meliputi jalan2 sepanjang 20 batu, melalui jalan2 penting di-Hongkong. Kita boleh naik tram mulai dari Kennedy Town untuk bersiar2 melihat keindahan Hongkong, dan kemudian kita turun di-Shau-kiwan. Bayaran untuk naik 'tram' chuma 30 sen sahaja, untuk sejauh mana sekali pun. Jika AWDA lebeh suka bersiar2 melihat Hongkong dari laut atau dari kawasan perayeran-nya, memang ada perkhidmatan untuk itu. AWDA akan di-bawa melawat tempat tinggal sebahagian penduduk Hongkong, yang berkampung halaman dalam perahu dan sampan.

(BERSAMBONG)

NATIONAL GEOGRAPHIC 'MALAPETAKA BUMI'

DOKUMENTARI di-terjemahkan dalam bahasa Melayu ini mengesahkan salah satu kuasa alam sa-mula jadi yang paling hebat ia-lah letupan gunung berapi. Awda akan dapat menyaksikan gunung berapi Kilauea di-Hawaii meletop dan memuntahkan lahar yang kelihatan sa-olah2 pertunjukkan bungapi yang sangat menakjubkan.

Awda juga akan dapat melihat ahli kaji gunung berapi, Dr. Tazieff membuat penggambaran letupan Gunung Etan di-Sicily pada tahun 1971. Awda kemudian-nya akan di-bawa bersama2 Dr. Tazieff dan rombongan-nya menyediakan sa-buah makmal untuk mengkaji gunung berapi, Nyirangongo di-Zaire.

Ranchangan ini akan dapat Awda tonton pada hari Selasa 20hb Jun, jam 10.30 malam.



RADIO Talivishen Brunei telah melengkapkan studio2 dan membekalkan kaki-tangan-nya dengan mesen dan alat2 baru untuk memberikan perkhidmatan yang lebeh baik kepada pendengar.

Gambar atas menunjukkan Pegawai2 Ranchangan Bahagian Ingeris dan Tiong Hwa sedang mendengar penerangan dari Awang W. Robertson, jurutera pengawas studio radio mengenai dengan chara2 dan teknik baru bagi mengendalikan mesen dalam segi penghantaran dan rakaman. Sementara gambar bawah pula, Awang Bahmin Hamdan, penerbit ranchangan Suara Diraja sedang menerangkan chara2 mengenai mesen UHER kepada Insp. Dayang Aminah binte Han Yassin, Pengelola Suara Pulis Diraja. Alat perakam UHER ia-lah salah satu alat baru saja di-perkenalkan untuk kegunaan kepada pegawai2 ranchangan radio.



SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



AWANG Hamdi A.S., 168A, Kampong Pekilong Muara, Brunei akan di-beri peluang untuk memilih lagu2 dalam ruangan hiboran Apa Pilehan Awda minggu ini. Lagu2 pilehan Awang Hamdi akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 16hb Jun, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan pada hari berikutnya jam 9.30 pagi.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). T/HARI: 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menuaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilihan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 —

Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-

ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Ramaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down.

11.00 — Opening Announcement — Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00 — Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Whose Body" — Episode 1 The Body In The Bath by Dorothy Sayers; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Music In Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — A Date with 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00 — The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Sixth Form Calling produced by Tajul Ahmad; NOON: 12.00 — Top of the Pops (Repeat);

12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Does the team think; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Siti Azra produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — The Sixth Form Calling (repeat) 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five: "Dead End" by Michael Brett; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "John McLaughlin" Side 1; 8.30 — Forum — by Charan Chand; 9.00 — From Ticket, Tape, and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 14hb Jun, 1978.

DELIMA SATU. — Menchongkel bakat dan melateh murid2 pada membena kebolehan daya-chipta masing2 baik dalam lapangan seni-lukis mahupun dalam pertukangan-tangan yang berhakikat menyediakan sumber tenaga yang mahir dan terlatah dalam lapangan tersebut bagi memenuhi kehendak negeri kita yang sedang membangun ini ada-lah merupakan antara tujuan yang di-hasratkan dalam pameran seni-lukis dan pertukangan-tangan di-sekolah2 ketika ini.

Demikian antara lain yang telah di-ucapkan oleh Awang Haji Mohd. Kassim bin Hj. Mohd. Daud, Timbalan Pengarah Perjawatan Brunei dalam upacara perasmian Peraduan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan bagi sekolah2 Melayu Brunei II pada Ahad, 4hb. Jun lalu.

Dalam pameran tersebut yang telah di-serai oleh 20 buah Sekolah Rendah Melayu di-Brunei II itu, Awg. Hj. Mohd. Kassim menjelaskan, kita sentiasa berkehendakkan belia2 yang mempunyai bakat dan minat yang serius dalam lapangan berkenaan

yang selalu hanya di-sifatkan dan di-usahakan sa-bagai 'hobby' semata2, sedangkan jelas-nya lapangan ini ada-lah termasuk dalam jurusan mata-pelajaran yang berguna dan dapat di-tuntut ka-peringkat diploma atau ijazah di-seberang laut.

Kata-nya lagi dengan menchongkel bakat demikian, ia-nya akan tentu dapat mencherminakan masyarakat kita yang memang mempunyai serba kebolehan.

"Bakat serupa ini-lah yang patut kita tunjukkan kepada "jenerasi muda" Brunei umom-nya dan kepada masyarakat luar khusus-nya; bahawa kita raayat Brunei tidak kurang

dengan seni dan kebudayaan-nya sendiri yang mana dapat di-banggakan sa-bagai satu 'identiti' kita Brunei", jelas-nya.

Awg. Hj. Mohd. Kassim berharap menerusi pameran yang di-adakan itu ia-nya akan di-jadikan satu langkah permulaan pada membimbing dan

mengasoh murid2 yang mempunyai bakat dalam lapangan tersebut untuk menchapai kelulusan yang lebeh tinggi lagi.

Kapada murid2 yang mempunyai bakat dan ingin menjadikan lapangan seni-lukis dan pertukangan-tangan sa-bagai satu kemahiran mereka di-masa

Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan:

MEMBENA KEBOLEHAN DAN DAYA-CHIPTA MURID2

hadapan, Awg. Hj. Mohd. Kassim mengingatkan dengan harapan mereka akan lebeh bergiat lagi dan kapada mereka tidak berchita2 demikian ada-lah di-harapkan lapangan ini akan di-jadikan sa-bagai satu sumber mata pencharian tambahan.

Pameran itu telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Delima Satu dengan berkeputusan Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sg. Hanching sa-bagai johan keseluruhan peraduan, Sekolah Melayu Sengkurong di-tempat kedua dan Sekolah Melayu SUAS, Muara di-tempat ketiga.

Terdahulu dari itu satu persembahan permainan muzik dengan menggunakan seruling oleh murid2 SM. Delima Satu telah memulakan upacara pagi itu. Hadiah2 kemenangan serta oskar rebutan pera-

duan telah di-sampaikan oleh Dyg. Hajjah Latifah bte Hj. Yaakub isteri Awg. Hj. Mohd. Kassim di-akhir upacara yang juga di-susuli dengan menyaksikan pameran.



BEGINI-LAH rupa bentuk dan keindahan daya-chipta murid2 kita yang di-pertandingkan dalam peraduan tersebut yang di-harap akan dapat membentok kebolehan mereka dalam membuat sesuatu bagi menggambarkan identiti bangsa kita yang tidak kurang dengan unsur2 seni-nya.



OSKAR rebutan bagi Peraduan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan tempat pertama sedang di-sampaikan kapada guru besar SM. HMS, Sungai Hanching, johan bagi Sekolah2 Melayu Brunei II (gambar atas).

Persembahan membunyikan alat2 muzik oleh murid2 sekolah tetap mengambil tempat seperti di-upacara2 pameran ini yang menampilkan lathetan dan kebolehan mereka yang sedia ada dan perlu di-asoh dengan lebeh sempurna lagi (gambar sa-belah) manakala gambar bawah dan sa-belah kanan menyaksikan pameran di-peraduan itu sungguh menarik minat pengunjung2-nya di-mana2 jua.



JALAN KAKI JARAK JAUH ANJORAN BELIA SUMBILING

SALAMBIGAR GROUP JOHAN LELAKI, BERAKAS GROUP JOHAN WANITA



PESERTA lelaki sedang melalui Kampong Mentiri menuju ka-Bandar Seri Begawan (atas) dan gambar bawah kelihatan salah sa-orang peserta lelaki sedang di-iringi oleh ahli palang merah setiba-nya di-tempat penghabisan Pusat Belia, dengan di-berikan tepokan bergemuruh dan di-ucapkan shabas kepada-nya.



BANDAR SERI BEGAWAN.—Perlumbaan Jalan Kaki Jarak Jauh (Semi-Marathon) kali ketiga anjoran Persatuan Belia Sumbiling sempena mengeluarkan Putera Sulong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, telah di-adakan minggu lalu.

Perlumbaan sa-jauh 17 batu itu bermula dari Pekan Muara bagi peserta lelaki dan 10 batu bermula dari simpang Jalan Mentiri/Pangkalan Sibabau bagi peserta wanita yang kedua2-nya berakhir di-Pusat Belia. Lebih dari 300 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Ia-nya di-bahagikan kepada lima bahagian dalam mana bahagian lelaki terbuka telah di-menangi oleh Sarifudin bin Ibrahim, wanita terbuka di-menangi oleh Normah bte Metussin dan dalam bahagian veteran pula ia-nya telah di-menangi oleh Saifon bin Laman.

Manakala dalam bahagian berpasokan, pasokan Salambigar Group telah berjaya dalam bahagian lelaki sementara dalam bahagian wanita pula telah di-menangi oleh Berakas Group.

PEMENANG TAHUN 1977

Pasokan Keriam Tutong, mendapat tempat pertama dalam lumba jalan kaki jarak jauh tahun 1977 manakala bahagian wanita di-tempat pertama ia-lah pasokan Persatuan TIBA.

Lelaki terbuka, tempat pertama Awang Kamaludin bin Hitam; Bahagian wanita terbuka di-menangi oleh Hajjah Rokiah Haji Hamid. Awang Yusoff bin Saman memenangi tempat pertama bahagian lelaki veteran.

HADIAH2 REBUTAN

Hadiah2 berupa piala dan perisai rebutan ini bermula pada tahun 1977 yang lalu, ia-itu; Piala Lelaki Terbuka anugerah daripada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Perisai Wanita Terbuka anugerah daripada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Piala Lelaki Berpasokan anugerah daripada YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris.

Piala Wanita Berpasokan hadiah daripada Rotary Club dan Piala Veteran hadiah daripada Sharikat Kewangan Kalimantan Berhad, Bandar Seri Begawan.

Hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohammad Taha di-akhir perlumbaan. (Gambar kanan atas) kelihatan Yang Berhormat itu sedang menyampaikan oskar kepada Dayang Normah sabagai pemenang pertama terbuka bahagian wanita.



GAMBAR kelihatan peserta wanita di-berikan penerangan oleh pehak penganjor sa-belum memulakan perlumbaan di-tempat berlepas dari Jalan Mentiri/Pangkalan Sibabau (sa-jauh 10 batu).



Bolasepak 5 orang sa-pasokan

JALAN MUARA.—Jawatankuasa Sokan Sekolah Bangunan Saiful Rizal, Jalan Muara akan menganjurkan perlawanan bolasepak lima orang sa-pasokan sempena Hari Kepuertaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tahun ini.

Perlawanan itu di-jadualkan bermula pada 2hb Julai di-padang sekolah tersebut. Ia-nya di-buka kepada semua sekolah2 menengah di-Brunei. Tiap2 sekolah boleh menghantar dua pasokan dengan bayaran masuk \$10.00 tiap2 pasokan. Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Setiausaha jawatankuasa tersebut, Awang Masri bin Abu Bakar dan di-kembalikan tidak lewat dari 10hb ini kepada pehak penganjor,

Sokan sekolah2 Menengah atas dan Maktab2

BANDAR SERI BEGAWAN.—Temasha Sokan Tahunan bagi Sekolah2 Menengah Atas dan Maktab2 di-seluruh negeri akan di-langsungkan di-Padang Sekolah Inggeris Berakas pada hari Ahad 18hb Jun ini. Ia-nya akan di-rasmikan oleh Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Lebih 200 orang di-jangka akan mengambil bahagian dalam temasha tersebut yang bermula pada sebelah pagi.

Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Br. 1

BANDAR SERI BEGAWAN.—Temasha Sokan Tahunan bagi Sekolah2 Rendah Brunei Satu telah di-langsungkan di-Padang SMJA sini Isnin lepas. Sokan tersebut di-rasmikan oleh Yang Berhormat Awg Abdul Latif bin Awg Abd. Hamid.

Kira2 300 orang murid

dari 10 buah sekolah2 di-Brunei satu telah mengambil bahagian. Murid2 Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil telah mempersembahkan hadrah dan seruling di-temasha tersebut. Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran, Awang Aliakbar bin Abu Bakar telah menyampaikan hadiah2 di-akhir pertandingan.

Sepaktakraw Daerah Belait

KUALA BELAIT.—Perlawanan Sepaktakraw di-Daerah Belait sempena sambutan puja-usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-daerah itu akan di-adakan tidak lama lagi. Ia-nya ada-lah anjoran Jawatankuasa sambutan tersebut dan di-bahagikan kepada empat bahagian.

Perlawanan itu terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, kelab2, jabatan2 kerajaan, firma2, kampung2, sekolah2 dan maktab2 di-daerah itu.

Borang2 penyertaan dan butir2 lanjut boleh di-perolehi dari Awang Ismail Apong di-Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan dan Awang Mohd Walli bin Hassan di-Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait.

Borang tersebut hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb ini.



SA-RAMAI 22 orang ahli Persatuan PERTIWI Kampong Ayer, telah mengadakan lawatan ka-Padang Minyak Seria pada 2hb Jun lalu. Ini merupakan salah satu aktiviti luar rancangan kegiatan sosial bagi Pertiwi. Tujuan lawatan ini ialah sa-mata2 untuk menyaksikan sendiri perkembangan kemajuan Sharikat Minyak Seria dewasa ini. — Kiriman Dayang Maimonah Haji Md Salleh, Setia Usaha Pertiwi Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN KHAS :

Kelayakan dan Pengalaman :

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak lebih 45 tahun dan lulus sekurang2-nya L.C.E. Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan dalam perkara2 sa-perti berikut:—

Menyelia dan memelihara alat2 Perabot berkaitan dengan perbekalan ka-rumah2 Kerajaan; alat2 perkakas bahagian Bangunan; bahagian Ayer, bahagian Setor P.O.L; perkakas2; jentera dan lain2. Mesti-lah bersedia bermastautin di-mana2 Daerah.

Gaji :
Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — \$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428-EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN I :

Kelayakan dan Pengalaman :

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya mempunyai 7 tahun pengalaman dalam kerja2 Penyelenggara Setor.

Gaji :
Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — \$54-880-905-931-956-982-1007-EB/1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN II :

Kelayakan dan Pengalaman :

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya mempunyai

sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 Penyelenggara Setor.

Gaji :
Dalam sukatan gaji D.2 EB.3-4 — \$446-465-485-504-523-542-561-EB/625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956-982-1007. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

4. TUKANG PELAN :

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan

b) Mempunyai Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknik yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya; dan

c) Mempunyai 4 tahun pengalaman dalam membuat pelan di-Pejabat Chartered Akitek2 atau Jurutera2; dan

d) Mesti-lah terdiri dari sarong Tukang Pelan yang kemas, teliti dan pantas, serta boleh menyediakan lukisan2 yang lengkap mengenai bangunan2 atau kejuruteraan dari rekaan2 di-mensa.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PEMBANTU MAKMAL :

Kelayakan dan Pengalaman :

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman yang memuaskan dalam kerja2 Pembantu Makmal ia-itu sama

ada dalam hal "Microbiology" atau "Chemistry" atau teknologi konkret atau tanah.

Gaji :
Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

6. PENOLONG KERJA LUAR :

Kelayakan dan Pengalaman :

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam kerja2 pemereksaan tapak-bena dan kajian2 tanah. Kebolehan dalam kerja2 mengukur dan ujian "in-situ" adalah di-perlukan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

7. PEMBANTU TEKNIK :

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Mempunyai kelulusan City and Guilds Intermediate Certificate atau lain2 kelulusan tempatan yang boleh di-iktiraf dan sebanding dengan-nya

b) Mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu lapangan Ukor Bahan dan/atau pelbagai chawangan kejuruteraan.

c) Calon2 yang sedang berkhidmat yang mempunyai pengalaman dan kebolehan yang cemerlang dan bersesuaian boleh di-perimbangkan dalam sukatan gaji yang rendah.

Gaji :
Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4-5 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784-EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

8. TUKANG LUKIS :
Kelayakan2 dan Pengalaman :
Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun lulus Darjah V Melayu dan Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keseluruhan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Pejabat Lukis Senibena atau Kejuruteraan.

Gaji :
Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB.4 — \$357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-510-523-EB/536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

9. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Calon2 yang tidak mempunyai kelayakan ini tetapi mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam hal Penyelenggara Setor akan juga di-perimbangkan.

Gaji :

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB.4 — \$357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-510-523-EB/536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan :

Calon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Julai, 1978.

(E/137/74 — No: 59/1978)

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

